



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Perlis  
Kampus Arau

# Buletin InTouch

@ UiTM Cawangan Perlis

Edisi:  
2022

## Mendukung Misi GRU2025

Fokus Utama Amanat Rektor  
UiTM Cawangan Perlis Bagi  
Tahun 2022

### Menarik di dalam



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kerjasama  
Bersama Korea Sports Promotion Foundation  
(KSPO) Korea Selatan



Program Hari Hutan Sedunia (21 Mac),  
Hari Air Sedunia (22 Mac) dan Ulang Tahun  
Penubuhan Trash Hero Perlis Yang Ke-3



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kongsi  
Kepakaran Kepada Komuniti  
Orang Asli Melalui ESKOM  
2022



Majlis Menandatangani Memorandum  
Perjanjian (MoA) Antara Universiti  
Teknologi MARA (UiTM) Dengan  
Universitas Gajah Mada (UGM)  
Indonesia



## KEJOHANAN TENPIN BOLING PIALA NAIB CANSOLOR (VC CUP) / KARNIVAL SUKAN STAF (KARISTA) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA 2022

Oleh:  
Mohd Fauzi Abdullah

Kejohanan Tenpin Boling Piala Naib Canselor UiTM kembali diadakan pada tahun 2022 selepas kali terakhir dijalankan pada tahun 2016. Kejohanan kali ini dijalankan serentak KARISTA 2022 anjuran Persatuan Sukan & Kebajikan Kakitangan (PSKK) UiTM bersama Pusat Sukan UiTM serta UiTM Cawangan Terengganu sebagai tuan rumah. Kejohanan ini telah berlangsung pada 24 – 27 Ogos 2022 bertempat di Coral Crown Bowl, Kuala Terengganu dari

Tujuan utama kejohanan adalah untuk menjalinkan silaturrahim antara warga kampus UiTM seluruh Malaysia selain mencari pemain bagi mewakili UiTM dalam Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM).

Kejohanan kali ini telah disertai sebanyak 19 pasukan lelaki dan 13 pasukan wanita. UiTM Cawangan Perlis telah menghantar 2 pasukan lelaki dan 1 pasukan wanita. Sebanyak 5 acara utama yang dipertandingkan pada kejohanan kali ini iaitu perseorangan lelaki dan wanita, beregu lelaki dan wanita, berpasukan lelaki dan wanita, master lelaki dan wanita, dan keseluruhan lelaki dan

wanita. Selain itu, kategori VIP turut dipertandingkan pada kali ini.

Pasukan tenpin boling UiTM Cawangan Perlis telah berjaya menggondol satu pingat perak bagi acara berpasukan lelaki yang diwakili oleh En. Mohd Fauzi Abdullah, En. Muhamad Arif Hashim, En. Noor Arkham Ismail dan En. Noor Azahar Abd. Aziz. Selain itu Pn. Zalina Zainal Abidin turut menyumbang pingat tempat ke-4 bagi acara perseorangan wanita dan master wanita. Manakala En. Khairy Kamarudin berjaya mencatat kejayaan sebagai johan kategori VIP. Penyampaian pingat telah disempurnakan oleh Timbalan Rektor (Akademik) UiTM Cawangan Terengganu, Prof. Madya Ts. Dr. Sarifah Fauziah Syed Draman.